

Ubat jenis ini tidak sepatutnya digunakan lebih daripada 2 hari, kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jika anda perlu mengambil ubat secara tetap dalam jangka masa, doktor anda akan memastikan kesihatan anda pada setiap lawatan.

Periksa dengan doktor anda jika cirit-birit anda tidak berhenti selepas 2 hari atau jika berlakunya demam atau darah/ lendir terdapat dalam najis anda.

Bagi bayi dan kanak-kanak, minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai rawatan untuk cirit-birit.

Ubat-ubat jenis antiperistaltik mungkin akan menyebabkan anda mengantuk. Pastikan anda tahu bagaimana reaksi badan anda terhadap ubat ini sebelum anda memandu, semasa mengendalikan mesin atau membuat apa-apa aktiviti lain yang mungkin membahayakan apabila seseorang tidak sedar dalam keadaan mengantuk/ pening.


Bagaimana saya harus **MENYIMPAN ubat?**

Simpan ubat di dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.



Risalah Maklumat Untuk Pesakit

Ubat Untuk Merawat Cirit-Birit Medicine To Treat Diarrhoea



MENGENAI ubat anda

Ubat-ubat ini diambil untuk mengawal cirit-birit dan melegakan simptom-simptomnya.

Terdapat beberapa jenis ubat yang berlainan dan mereka bertindak melalui cara berlainan. Memandangkan arahan untuk penggunaan adalah berlainan untuk setiap jenis, adalah penting untuk mengetahui apa jenis ubat cirit-birit yang anda sedang ambil. Jenis-jenis ubat yang berlainan termasuk:

Jenis Ubat	Contoh-contoh	Cara bertindak
Penyerap (Adsorbent)	Arang (charcoal) Diteraktifkan (Ultracarbon) Kaolin (Kaopectate) Serbuk Ispaghula (Mucofalk)	Ia bertindak dengan menyerap bahan bertoksik atau bahan perangsang dalam usus.
Antiperistaltik	Diphenoxylate dengan Atropine (Lomotil) Loperamide (Imodium)	Ia membantu untuk menghentikan cirit-birit dengan melambatkan pergerakan usus.
Penggantian cecair dan elektrolit	Garam rehidrasi oral (Servidrat®)	Ia menggantikan air dan sesetengah zat garam yang hilang dari badan semasa cirit-birit
Enzim pencernaan	Lactobacillus (Lacteol Fort®) Lipase (Enzyplex®)	Ia membantu memulihkan flora usus dengan mengekang pembiakan bacteria yang merosakkan usus.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat?

Ikut arahan doktor anda. Hubungi doktor anda jika anda mempunyai demam atau jika terdapat darah atau lendir dalam tahi anda.

Untuk pesakit-pesakit yang mengambil ubat jenis *penyerap*:

- Susu, ais krim dan serbat patut dielakkan memandangkan mereka akan mengurangkan keberkesanan arang.
- Jangan ambil apa-apa ubat dalam masa 2 jam selepas ambil arang yang diteraktifkan. Ambil ubat lain dengan arang yang diteraktifkan boleh mencegah ubat yang lain daripada diserap masuk ke dalam badan.

Untuk pesakit-pesakit yang mengambil ubat jenis *antiperistaltik*:

- Ubat ini boleh diambil dengan makanan jika ia menyebabkan perut sakit apabila diambil sebelum sarapan.

Untuk pesakit-pesakit yang mengambil *garam rehidrasi oral*:

- Larutkan serbuk/tablet dalam air sejuk yang telah dimasak.
- Jangan masak cecair:
- Buat cecair yang baru setiap hari. Buangkan cecair yang tak digunakan pada hujung setiap hari.
- Bayi dan kanak-kanak patut diberikan cecair dengan perlahan, dalam jumlah kecil, sekirap yang mungkin pada 24 jam pertama cirit-birit.

Untuk pesakit-pesakit yang mengambil *enzim pencernaan*:

- Butir-butir kecil boleh dicampur kepada atau diberikan dengan bijirin, makanan, jus atau air.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak

Selain menggunakan ubat untuk merawat cirit-birit, penting juga cecair yang hilang daripada badan juga perlu digantikan serta diikuti dengan makanan yang betul. Untuk 24 jam yang pertama, minum lebih cecair jernih yang bebas daripada kaffein. Semasa 24 jam yang berikutnya, makanan lembut seperti bubur, roti, bijiran masak dan biskut tawar boleh diambil.

Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda sedang ambil ubat ikut jadual ambil ubat yang tetap dan lupa satu dos, ambil dos itu secara serta-merta sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang seterusnya, terus biarkan dos yang lupa dan teruskan dengan dos baru mengikut jadual waktu ambil ubat. Jangan gandakan dos untuk mengantikan dos yang lupa ambil itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Ubat ini boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Kesan sampingan ini mungkin hilang semasa rawatan apabila badan anda menyesuaikan diri dengan ubat ini. Bagaimanapun, periksa dengan doktor anda jika kesan sampingan ini berlarutan.

Jenis Ubat	Kesan-kesan Sampingan
Penyerap	Muntah, sembelit, tahi hitam (jika arang diambil)
Antiperistaltik	Mengantuk, kekeringan mulut, pening, lemah badan, kejang perut
Garam rehidrasi oral	Muntah-muntah
Enzim penceraaan	Perut masuk angin

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Minta nasihat doktor jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang luar biasa semasa ambil ubat anda terutamnya:

Untuk antiperistaltik:

Kabur penglihatan, sukar bernafas atau masalah pernafasan, kegembiraan yang luar biasa, kemerahan kulit, sembelit yang teruk dengan kembung perut, pengurangan atau ketiadaan pembuangan air kencing lebih daripada 8 jam.

Untuk garam rehidrasi oral:

Kelopak mata yang Bengkak, sawan, denyutan jantung yang cepat, Bengkak pada bahagian bawah kaki, lemah badan, tekanan darah tinggi.

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum ambil ubat,

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika ada alergi pada ubat-ubatan tertentu.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi ubat-ubatan yang sedang anda ambil, terutamanya antibiotik, antasid, ubat sakit atau sawan, penyakit jantung atau ubat tekanan darah tinggi dan vitamin.
- Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai kencing manis, penyakit jantung, tekanan darah tinggi atau penyakit usus.
- Beritahu doktor anda jika anda hamil, merancang untuk hamil, atau sedang menyusu badan kepada anak anda.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak